



TUN Ahmadshah menyampaikan ijazah kepada salah seorang graduan UMS di majlis itu. — Gambar Oleh EDDIE ANGAT.

Golongan berilmu aset berharga kepada negara: TYT

KOTA KINABALU: Golongan yang berilmu dan berketerampilan merupakan aset paling berharga kepada negara, kerana merekalah penggerak dalam pembangunan sesebuah masyarakat.

Cancelor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tuan Yang Terutama Tun Hj. Ahmadshah Abdullah berkata, golongan itu juga merupakan golongan yang berkemampuan untuk menjana sumber negara dalam sektor yang melibatkan jentera pentadbiran negara dan swasta.

Malah katanya, kewibawaan golongan siswazah turut diiktiraf dalam menyelesaikan kemelut sosial yang dihadapi oleh masyarakat.

“Namun tidak dinafikan, terdapat segelintir siswazah hari ini yang seolah-olah sukar beradaptasi dengan masyarakat sekeliling kerana mengandaikan diri mereka itu bijak daripada orang lain. Lantaran itu timbul sikap segan dan malu apabila dikehendaki melakukan kerja di luar batasan pembelajaran mereka.

“Pemikiran siswazah sering dibelenggu dengan tanggapan bahawa mata pena adalah satu-satunya senjata yang mampu memberi pulangan lumayan. Mereka lupa dengan kurniaan pancaindera dan kekuatan tenaga yang sekiranya

dipergunakan sebaik mungkin melalui cara yang halal, tentunya juga memberikan pulangan lumayan,” katanya.

Beliau berkata, demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen ke-5 UMS di Dewan Besar universiti itu, dekat sini kelmarin.

Katanya lagi, golongan siswazah harus sedar bahawa kesediaan dan kerelaan mereka melakukan kerja-kerja sendiri seperti membuka premis perniagaan secara kecil-kecilan dan mengusahakan ladang kepunyaan keluarga, adalah satu alternatif yang baik dan menguntungkan dalam menghadapi masalah kesukaran mencari pekerjaan di sektor kerajaan.

“Ibu bapa juga seharusnya memberi dorongan dan bimbingan kepada anak-anak mereka yang baru belajar mengendalikan perusahaan sendiri.

“Ini kerana bekerja sendiri, khususnya menceburi bidang perniagaan kadangkala memberikan pulangan yang jauh lebih lumayan daripada bergantung kepada pendapatan makan gaji dengan kerajaan,” katanya.

Oleh itu, beliau berharap para siswazah mengambil peluang mengikuti kursus usahawan siswazah yang disediakan oleh kerajaan sebagai langkah awal mempelajari selok-belok perniagaan. “Kita sedar dalam

hak ini kerajaan sememangnya memperuntukkan dana yang berupa pinjaman untuk dijadikan modal perniagaan kepada para siswazah”.

“Saya berharap para siswazah menjadi golongan cerdik pandai agar menyedari bahawa peranan anda dalam masyarakat adalah lebih mencabar.

“Anda harus menjadi anggota masyarakat yang boleh diteladani dan bersedia berbakti demi meningkatkan mentaliti masyarakat. Kelebihan anda dalam menguasai suatu disiplin ilmu perlu digunakan sebaiknya agar dapat membuahkan hasil yang berfaedah kepada masyarakat,” katanya.

Beliau juga mengingatkan kepada para siswazah supaya dapat mengelakkan diri daripada terjerumus dalam kegiatan yang bertentangan dengan norma masyarakat negara ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Ahmadshah berkata kewujudan UMS di negeri ini merupakan suatu rahmat kerana ia mampu memberikan peluang pendidikan tinggi, bukan sahaja kepada sebahagian besar pelajar dari Sabah malah beberapa negara lain di Semenanjung dan Sarawak serta pelajar dari luar negara.